

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	21 JUNE 2016

Terima hakikat keputusan PRK um- 21/6/2016

PUTRAJAYA 20 Jun - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad perlu menerima hakikat kehendak demokrasi rakyat yang diterjemahkan dalam Pilihan Raya Kecil Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar meskipun ia tidak selari dengan kemahuan peribadinya.

Malah, Pengarah Komunikasi Strategik Barisan Nasional, Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, adalah lebih baik sekiranya bekas Perdana Menteri itu bersara daripada menanggung malu yang lebih besar.

"Dr. Mahathir masih membisu sejak kemenangan Barisan Nasional (BN) yang menunjukkan rakyat secara jelas menolaknya.

"Beliau adalah pakar manipulasi dan kerap memutarbelitkan logik, namun sukar melihat bagaimana beliau dapat menyangkal keputusan ini. Ini adalah kekalahan mutlak baginya," katanya dalam kenyataan di sini hari

ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam menyatakan bahawa kemenangan luar biasa BN dalam dua pilihan raya kecil semalam membuktikan bahawa rakyat menolak referendum yang dibawa oleh Dr. Mahathir dan pembangkang terhadap kepemimpinan negara.

Kelmarin, BN berjaya mempertahankan kerusi Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar dengan kejutan apabila memperolehi majoriti lebih besar dalam PRK dua kerusi tersebut yang berlangsung serentak.

Abdul Rahman berkata, kejayaan besar dalam dua pilihan raya kecil itu membuktikan Perdana Menteri amat berwibawa

untuk menerajui BN bagi pilihan raya umum akan datang.

Menurutnya, ini jelas membuktikan dakwaan Dr. Mahathir kononnya BN akan kalah di bawah Perdana Menteri tidak lebih daripada satu lagi penipuan semata-mata.

"Penolakan terhadap Dr. Mahathir dapat dilihat dengan ketara, bukan sahaja oleh rakyat tetapi juga penyokong pembangkang yang secara terbuka didekati bekas Presiden UMNO itu untuk menggulingkan kerajaan yang dipilih secara demokrasi.

"Dalam laluan itu, beliau mengkhianati semua pihak dalam BN yang pernah meletakkan kesetiaan dan kepercayaan terhadapnya satu ketika dulu. Melihat beliau memusnahkan legasi sendiri adalah sesuatu yang menyedihkan," katanya.



ABDUL RAHMAN DAHLAN